



**BAB 1 : KEDAULATAN NEGARA**

1 Apakah takrif kedaulatan mengikut Bahasa Melayu?

ms:

4

- A Negara yang bebas dan merdeka
- B Kuasa pemerintahan sesebuah kerajaan
- C Kuasa tertinggi terhadap pemerintahan negara
- D Negara berkuasa penuh terhadap pemerintahan

2 Tokoh berikut turut memberi tafsiran tentang kedaulatan.

ms:

5

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>▪ Aristotle</li><li>▪ Jean Bodin</li></ul> |
|--|

Apakah persamaan tafsiran mereka?

- A Negara merdeka yang memiliki kebebasan
- B Kuasa tertinggi dalam sesebuah negara
- C Prinsip kebebasan dan keadilan
- D Semangat kekitaan bangsa

3 Apakah ciri-ciri kedaulatan moden?

ms:

6

- I. Pemerintahan berkuasa mutlak
  - II. Hak rakyat dan kerajaan berperlembagaan
  - III. Persamaan rumpun bangsa dan bahasa
  - IV. Wujud sejak tamadun awal manusia
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

4 Maklumat berikut berkaitan dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

ms:  
7

Deklarasi Hubungan Persahabatan PBB 1970

Apakah kesan kepada negara kita setelah deklarasi tersebut dicapai?

- A Kebebasan badan kehakiman membuat keputusan
- B Diiktiraf negara bebas dan berdaulat
- C Menjamin kestabilan politik
- D Kemajuan ekonomi

5 Siapakah Ketua Utama Negara kita?

ms:  
8

- A Sultan
- B Menteri Besar
- C Perdana Menteri
- D Yang di-Pertuan Agong

6 Maklumat berikut berkaitan dengan pentadbiran negara kita.

ms:  
10

Dasar pentadbiran negara dilaksanakan dengan berkesan tanpa campur tangan pihak luar.

Apakah yang dapat dikaitkan dengan pernyataan tersebut?

- A Jemaah Menteri
- B Perpaduan rakyat
- C Hubungan diplomatik
- D Kemakmuran ekonomi

7 Bagaimanakah hubungan dengan negara luar dapat dicapai?

ms:

11

- A Penggubalan dasar luar
- B Kerjasama sukan
- C Sistem pendidikan
- D Dasar pembangunan

8 Pada pandangan anda, siapakah yang memainkan peranan penting bagi memastikan kedaulatan dapat dipertahankan?

ms:

12

- A Badan perundangan
- B Badan kehakiman
- C Raja-raja
- D Rakyat

9 Apakah yang menjadi teras utama kepada kemakmuran, kelangsungan dan kedaulatan negara Malaysia?

ms:

15

- A Perlembagaan negara
- B Pengukuhan pertahanan
- C Perpaduan dan kerjasama
- D Pemerintahan bersistematik

10 Apakah kesan sekiranya sikap patriotisme dalam diri rakyat kepada sesebuah negara semakin pudar?

ms:

kbat

- A Masyarakat hidup harmoni
- B Ekonomi negara maju
- C Kestabilan politik
- D Kesetiaan terhakis

**BAB 2 :PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN**

1 Apakah yang dimaksudkan dengan perlembagaan?

ms:  
22

- A Keluhuran raja
- B Kuasa pemerintah
- C Kedaulatan negara
- D Undang-undang tertinggi

2 Apakah yang menjadi asas pembentukan perlembagaan?

ms:  
22

- A Prinsip undang-undang Islam
- B Nilai tradisi Kesultanan Melayu
- C Undang-undang Aceh
- D Undang-undang Mahkota Alam

3 Apakah tujuan British memperkenalkan Charter of Justice?

ms:  
23

- A Mengukuhkan kedudukan penjajah
- B Menghapuskan kuasa raja dan pembesar
- C Mengeksploitasi sumber ekonomi negara
- D Melindungi penduduk asal

4 Perlembagaan Sarawak 1956 memberikan kuasa pentadbiran negeri kepada

ms:  
24

- A Majlis Negeri
- B Majlis Kerja
- C Majlis Tertinggi
- D Majlis Undangan

5 Pernyataan di bawah berkaitan dengan penubuhan Majlis di Sabah.

ms:  
24

X memberikan kuasa kepada Gabenor untuk membuat undang-undang

Apakah X?

- A Majlis Negeri
- B Majlis Kerja
- C Majlis Tertinggi
- D Majlis Undangan

6 Gambar menunjukkan bangunan parlimen di Malaysia.

ms:  
25



Apakah peranan parlimen dalam pentadbiran negara?

- A Membentuk undang-undang negara
- B Memilih Perdana Menteri
- C Melantik Yang di-Pertuan Agong
- D Mengekalkan kedaulatan negara

7 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 disesuaikan dengan Model Westminster.

ms:  
27

Apakah ciri model tersebut?

- A Diambil dari Britain
- B Digubal oleh Jemaah Menteri
- C Undang-undang lisan dan bertulis
- D Perlembagaan Suruhanjaya Reid

8 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dipinda pada tahun 1963 dan 1965. Apakah rasional pindaan tersebut?

ms:  
KBAT

- A Atas permintaan parti politik
- B Desakan daripada negara luar
- C Perubahan politik dalam negara
- D Mengekalkan keluhuran perlembagaan

9 Apakah perkara utama Pindaan 1963?

ms:  
30

- A Singapura
- B Struktur mahkamah
- C Syarat kewarganegaraan
- D Kedudukan Ketua Negara

10 Maklumat berikut berkaitan perubahan kedudukan di Sarawak dan Sabah pada tahun 1963.

ms:  
30-  
31

- Pembentukan mahkamah Tinggi
- X

Apakah perubahan X tersebut?

- A Jawatan Yang di-Pertua Negeri
- B Pemansuhan kuasa imigresen
- C Penggunaan Bahasa Melayu
- D Pembentukan Mahkamah Atasan

**BAB 3 : RAJA BERPELEMBAGAAN DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN**

1 Kesultanan Melayu Melaka telah mengamalkan pemerintahan raja berkuasa mutlak. Bagaimanakah konsep ini diperkukuhkan?  
ms:38

- I Berkuasa terhadap pentadbiran
- II Berkuasa terhadap kehakiman
- III Berkuasa menasihati negara luar
- IV Berkuasa merampas kerajaan lain
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

2 Pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka diperkukuhkan dengan konsep Islam . Hal ini menjadikan raja sebagai  
ms:38

- A Ketua pedagang
- B Ketua penghulu
- C Ketua agama Islam
- D Ketua berbandharaan

3 British telah menggunakan teknik X untuk meluaskan pengaruhnya di negeri Melayu. Apakah X ?  
ms:39

- A Pecah perintah
- B Menggunakan tentera
- C Mengahwini anak Raja
- D Perjanjian

4 Apakah tujuan negeri-negeri Melayu mengubal Undang-undang Tubuh Negeri  
Ms:39

- A Untuk tunjuk kehebatan
- B Menghalang pengaruh British
- C Meluaskan pengaruh
- D Kekuasaan



5 Brish juga berminat untuk campur tangan di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB). Justeru iaitu British telah meletakkan

ms:39

- A Penasihat British
- B Gabenor British
- C Askar British
- D Residen

6 Semasa Malayan Union, Majlis Sultan-sultan hanya berkuasa ke atas

ms:43

- A Pentadbiran
- B Perbendaharaan
- C Agama Islam
- D Peperangan

7 Raja Berpelembagaan merupakan sebahagian daripada pentadbiran negara. Apakah gelaran raja di peringkat Persekutuan

ms:46

- A Yang Amat Mulia
- B Yang di-Pertuan Agong
- C Yang Amat Berkuasa
- D Yang Amat Terutama

8

ms:47



Gambar di atas adalah Yang di-Pertuan Agong Malaysia. Apakah kedudukan baginda seperti termaktub dalam Perkara 32 Perlembagaan persekutuan

- A Ketua Hakim
- B Ketua Anak Negeri
- C Ketua Suruhanjaya Pilihanraya
- D Ketua Utama Negara

9 Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa dalam pemerintahan dan bertindak mengikut nasihat Perdana Menteri.

ms:48 Antara Kuasa Eksekutif baginda adalah

- A Melantik Jemaah Menteri
- B Melantik Wakil Rakyat
- C Melantik Menteri Besar
- D Melantik Ketua Polis Negara

10 Sistem Raja Berpelembagaan dan Dewan Berparlimen mewujudkan mekanisme semak dan imbang dalam pemerintahan negara ini. Hal ini kerana

ms:56

- A Raja berkuasa mutlak
- B Raja berkecuali
- C Raja berwibawa
- D Raja bertanggungjawab

**BAB 4 : SISTEM PERSEKUTUAN**

- 1 Pada tahun 1889, Luak Tampin, Rembau dan Seri Menanti disatukan sebagai satu Konfederasi Seri Menanti. Apakah maksud konfederasi ?

ms:  
66

- A Penyatuan beberapa negara
- B Gabungan negeri dalam satu ikatan
- C Pembentukan Negeri – Negeri Melayu Bersekutu
- D Pembahagian kuasa persekutuan dengan negeri


- 2 Mengapakah Malayan Union hanya dapat dilaksanakan dalam tempoh yang singkat dan akhirnya dibubarkan ?

ms:  
67

- A Penduduk Tanah Melayu menentang
- B Kuasa gabenor British semakin berkurangan
- C Mendapat bantahan daripada Raja – Raja Melayu
- D Penentangan daripada negara - negara jiran

- 3 Berikut merupakan tiga peringkat pentadbiran kerajaan Malaysia

ms:  
68



Mengapa berlaku pengasingan kuasa seperti berikut ?

- A Mengelak daripada berlaku rasuah
- B Memastikan sistem demokrasi terjamin
- C Mengukuhkan kedudukan Raja – Raja Melayu
- D Melicinkan pentadbiran dan mengelak permasalahan

4 Bagaimanakah sekiranya terdapat percanggahan antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri bagi perkara di bawah senarai bersama ?

ms:  
70

- A Undang – undang di Parlimen dipatuhi
- B Mengadakan sidang Parlimen dan DUN
- C Kuasa budi bicara Yang di-Pertuan Agong
- D Pilihan raya umum dilaksanakan

5 Berikut merupakan Senarai Negeri tambahan yang diberikan kepada Sarawak dan Sabah

ms:  
70

- Undang – undang dan adat anak negeri
- Mahkamah Anak Negeri
- X

Apakah X ?

- A Kereta api
- B Kebajikan awam
- C Pendidikan
- D Tanah

6 Antara berikut, yang manakah matlamat penubuhan program *In - Situ*

ms:  
72

- A Memajukan industri berat
- B Menekankan pembangunan fizikal desa
- C Bantuan kewangan kepada bumiputera
- D Membangunkan wilayah baharu

7 Berikut merupakan dua agensi yang ditubuhkan di Selangor dan Perak

ms:  
77

- Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)
- Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perak

Apakah fungsi agensi tersebut ?

- A Perumahan rakyat berpendapatan rendah
- B Memberi bantuan pinjaman kepada rakyat
- C Memastikan kelengkapan infrastruktur
- D Mengurangkan golongan gelandangan

8 Jadual berikut menunjukkan jawatankuasa utama RASCOM

ms:  
78

Jawatankuasa	Pengerusi	Bidang Tugas
Jawatankuasa RASCOM.	Ketua Pegawai Eksekutif (Pegawai Tadbir Kanan Negeri Sarawak).	Menggubal dasar berkaitan dengan aktiviti harian organisasi RASCOM.
Jawatankuasa Perancang Gerakan.	Panglima Pasukan Keselamatan RASCOM.	Merancang gerakan di kawasan RASCOM.
Jawatankuasa Perang Saraf.	Ketua Pegawai Turus (Awam).	Merancang dan melaksanakan segala kegiatan gerak saraf.

Apakah tujuan penubuhan RASCOM ?

- A Menjaga kebajikan rakyat
- B Mengekalkan hubungan dengan Kerajaan Persekutuan
- C Menjaga perairan Sabah daripada pencerobohan
- D Membasmi ancaman komunis

9 Peta berikut menunjukkan 10 daerah di Pantai Timur Sabah yang terlibat dalam pengawalan ESSCOM

ms:  
79



Mengapakah ESSCOM ditubuhkan ?

- A Memajukan kawasan Pantai Timur Sabah
- B Mengurangkan kemasukan pendatang asing
- C Mengawal keselamatan daripada ancaman
- D Menjaga keindahan pantai Sabah

10 Bagaimanakah Perlembagaan berperanan mengukuhkan Persekutuan ?

ms:  
80

- A Menjadi rujukan utama Kerajaan Persekutuan
- B Kedudukan istimewa orang Melayu
- C Manjaga kedaulatan negara
- D Hukuman pesalah di mahkamah

**BAB 5 : PEMBENTUKAN MALAYSIA**

1 Pihak British bersetuju dengan idea gagasan Malaysia kerana?.

ms:  
90

- A Kemerdekaan kepada wilayah jajahannya
- B Memudahkan pentadbiran pihak British
- C Memajukan taraf hidup
- D Melahirkan negara yang berdaulat

2 Antara tokoh yang terlibat dalam idea pembentukan Malaysia ialah

ms:  
91

- I Sir Malcom MacDonald
  - II Ibrahim Haji Yaakob
  - III J.W.W. Birch
  - IV Dato' Onn Jaafar
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

3 Apakah rasional idea pembentukan Malaysia

ms:  
93

- A Kemajuan ekonomi kepada pihak British
- B Melahirkan tokoh tempatan
- C Keselamatan dari ancaman komunis
- D Negara yang setaraf dengan dunia luar

4 Antara faktor penentangan penduduk Sabah terhadap pembentukan Malaysia ialah

ms:  
96

- A Kemerdekaan terlebih dahulu
- B Tidak mahu bergabung dengan Singapura
- C Tidak pandai memimpin
- D Ancaman komunis

5 Mengapakah Tunku Abdul Rahman melakukan siri lawatan ke beberapa kawasan dalam langkah pembentukan Malaysia

ms:  
98

- A Berbaik-baik dengan penduduk tempatan
- B Hubungan diplomatik
- C Menunjukkan teladan yang baik
- D Menerangkan rancangan pembentukan Malaysia

6 Apakah laporan yang terdapat dalam Suruhanjaya Cobbold

ms:  
100

- A Singapura menarik diri
- B London tidak mahu penggabungan
- C Mengesyorkan Perlembagaan Persekutuan
- D Brunei tidak bersetuju

7 Antara inti pati Perjanjian Malaysia termasuklah:

ms:  
103

- A Kedaulatan Sabah, Sarawak dan Singapura
- B Islam agama rasmi
- C Kerusi Parlimen sama
- D Pembentukan Malaysia 16 September 1963

8 Pengisytiharan Malaysia di Kota Kinabalu, Sabah diumumkan oleh

ms:  
105

- A Tunku Abdul Rahman Putra al-haj
- B Tun Abdul Razak Hussien
- C Donald Stephens
- D Datu Mustapha Datu Harun

9 Mengapakah Indonesia melancarkan dasar konfrontasi

ms:  
106

- A Cemburu dengan penggabungan banyak negeri
- B Takut dengan negara Malaysia yang lebih besar
- C Mengancam kedudukan mereka
- D Menggagalkan Melayu Raya

10 Apakah sikap yang wajar dicontohi daripada sikap pemimpin dalam usaha pembentukan Malaysia

ms:  
102

- A Keberanian
- B Toleransi
- C Kasih sayang
- D Hemah tinggi



**BAB 6 : CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA**

- 1 Terdapat cabaran yang perlu ditangani oleh kerajaan Malaysia untuk meningkatkan pembangunan dan sosioekonomi di Sarawak dan Sabah.  
ms: 117  
Apakah cabaran tersebut?
- A Masih mengamalkan pertanian sara diri
  - B Belanja untuk mengurus yang tinggi
  - C Kekurangan tenaga buruh kerja
  - D Teknologi rendah
- 2 Pada bulan September 1966, situasi politik di Sarawak sekali lagi tidak menentu apabila Stephen Kalong Ningkan mendapat undi tidak percaya daripada Council Negeri.  
ms: 118  
Apakah kemuncak ketidakstabilan politik ini?
- A Pilihan raya negeri segera dilaksanakan
  - B Tawi Sli dilantik sebagai Ketua Menteri
  - C Gabenor ketua pentadbiran negeri
  - D Campur tangan kerajaan pusat
- 3 Jarak yang memisahkan Semenanjung Malaysia dengan Sarawak dan Sabah merupakan antara cabaran selepas pembentukan Malaysia.  
ms: 118  
Apakah cabaran yang dimaksudkan?
- A Intergrasi nasional
  - B Kawalan keselamatan
  - C Pengurusan pentadbiran
  - D Kemudahan pengangkutan terhad
- 4 Isu perkauman merupakan satu faktor pemisahan Singapura daripada Persekutuan Malaysia.  
ms: 119  
Apakah perkara yang dituntut oleh Singapura?
- A Kerakyatan jus soli
  - B Sistem pendidikan seragam
  - C Hak sama rata semua kaum
  - D Kedudukan sama semua agama

- 5 Sarawak telah menerima ancaman komunis sejak pendudukan Jepun lagi. Antara organisasi berikut, yang manakah terlibat dalam melakukan ancaman tersebut?  
ms:  
121
- A Pejuang Tanah Air (PETA)
  - B Parti Komunis China (CCP)
  - C Parti Komunis Malaya (PKM)
  - D Pertubuhan Sulit Komunis (CCO)
- 6 Pasukan Rakyat Kalimantan Utara (PARAKU) adalah cabang gerakan komunis di Sarawak.  
ms:  
121
- A Membebaskan Sarawak
  - B Menguasai pentadbiran negeri
  - C Menggabungkan Sarawak dan Indonesia
  - D Menubuhkan Republik Komunis di Sarawak
- 7 Strategy Counterinsurgency (COIN) merupakan salah satu usaha bagi melindungi rakyat daripada ancaman komunis.  
ms:  
125
- A Menyerah diri tanpa sebarang hukuman
  - B Memenangi hati dan fikiran rakyat
  - C Penempatan semula penduduk
  - D Menangkap tanpa perbicaraan
- 8 Isu kesihatan dan sosial merupakan antara isu yang timbul dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Pertama.  
ms:  
128
- A Menubuhkan pasukan Palang Merah
  - B Mewajibkan imunisasi kepada kanak-kanak
  - C Menambahkan bilangan doktor di pedalaman
  - D Memperkenalkan program Perancang Keluarga

- 9 Peristiwa rusuhan kaum berlaku pada 13 Mei 1969 iaitu beberapa hari selepas Pilihan Raya Umum (PRU) Ketiga.  
ms: 129  
Apakah faktor yang mencetuskan rusuhan tersebut?
- I Hasutan Parti Komunis Malaya
  - II Pergaduhan antara kongsi gelap
  - III Penipuan keputusan pilihan raya
  - IV Ketidakseimbangan dalam ekonomi
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 10 Berikutan peristiwa rusuhan kaum, Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) menerusi Jabatan Penerangan telah bertindak menyekat berita palsu.  
ms: 130  
Apakah langkah yang dilakukan bagi menyekat berita tersebut?
- A Membentuk pasukan risikan
  - B Menutup syarikat percetakan
  - C Menggantung penerbitan akhbar
  - D Menubuhkan jabatan percetakan

**BAB 7 : MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA**

1 Apakah maksud Integrasi Nasional?

ms:  
140

- A Berpegang pada konsep Rukun Negara
- B Masyarakat yang bersatu padu
- C Rakyat hidup dalam aman dan makmur
- D Dinamika yang merapatkan hubungan masyarakat

2 Mengapakah perkhidmatan Feri Malaysia ditamatkan pada tahun 1989?

ms:  
140

- A Kos penyenggaraan yang tinggi
- B Industri penerbangan
- C Tidak mendapat sambutan
- D Mengalami kerugian yang teruk

3 Berikut merupakan Zon Perindustrian Bebas yang diperkenalkan untuk memajukan bidang perindustrian dan perdagangan negara:

ms:  
143

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Bayan Lepas</li><li>• Pasir Gudang</li><li>• X</li></ul> |
|--|

Apakah X?

- A Teluk Intan
- B Pelabuhan Klang
- C Kuala Terengganu
- D Sabak Bernam

4 Apakah matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan?

ms:  
144

- A Meningkatkan taraf ekonomi rakyat
- B Mengurangkan buta huruf
- C Menyatupadukan rakyat
- D Melahirkan rakyat cerdas pandai

- 5 Mengapakah Bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar pada semua peringkat pendidikan?  
ms:  
145
- A Mewujudkan perpaduan
  - B Memudahkan tenaga kerja mengajar
  - C Bahasa komunikasi rakyat
  - D Bahasa rasmi negara
- 6 Apakah bidang asas yang perlu dikuasai murid dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) ?  
ms:  
146
- A Kemanusiaan dan alam sekitar
  - B Ekonomi dan keusahawanan
  - C Sains dan teknologi
  - D Kerohanian, dan permainan
- 7 Dewan Bahasa dan Pustaka telah ditubuhkan pada 22 Jun 1956 di Bukit Timbalan, Johor Bahru, Johor  
ms:  
149
- Apakah tujuan penubuhannya?
- A Mengembangkan penggunaan Bahasa Melayu
  - B Menjaga kepentingan bahasa semua kaum
  - C Memperbaiki penggunaan bahasa Melayu
  - D Memartabatkan bahasa Melayu
- 8 Mengapakah kita perlu berbangga dengan keunikan budaya masyarakat di negara kita?  
ms:  
151
- A Mengelakkan kemasukan pengaruh asing
  - B Memperlihatkan keperibadian kebangsaan
  - C Negara akan menjadi tumpuan pelancong
  - D Menggalakkan penghasilan karya tempatan

9

**Sukan X**

ms:

153

Sukan di atas dianjurkan secara dwitahunan bermula 19 April 1986.

Apakah nama sukan tersebut?

- A Sukan SEA
- B Sukan Asia
- C SUKMA
- D MASUM

10

**Pengisytiharan X**

ms: Diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 31 Ogos 1970 selepas Peristiwa 13  
157 Mei 1969. Apakah Pengisytiharan X?

- A Pembentukan Malaysia
- B Darurat
- C MAGERAN
- D Rukun Negara

**BAB 8 : MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA**

1 Maklumat berikut berkaitan dengan strategi Dasar Ekonomi Baru (DEB).

ms:  
167

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Membasmi kemiskinan</li> <li>• X</li> </ul> |
|--|

Apakah X?

- A Menambah peluang pekerjaan
- B Menyusun semula masyarakat
- C Memacu peranan sektor swasta
- D Memperkukuh perpaduan rakyat

2 Rancangan Buku Hijau peringkat kebangsaan telah dilancarkan oleh Tun Abdul Razak Hussein pada 20 Disember 1974.

ms:  
169 Mengapakah Rancangan Buku Hijau diperkenalkan?

- A Memajukan pelbagai jenis perindustrian
- B Mempercepatkan pembangunan wilayah
- C Menggalakkan kemasukan pelabur asing
- D Menambah pengeluaran bahan makanan

3 Jadual 1 berkaitan dengan agensi yang ditubuhkan oleh kerajaan.

ms:  
169

Tahun	Agensi
1973	Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)

Jadual 1

Bagaimanakah agensi tersebut membantu petani?

- A Menstabilkan harga padi
- B Melalui kegiatan koperasi
- C Memasarkan hasil tanaman
- D Membantu penanaman getah

- 4 Senarai di bawah merujuk kepada dana unit amanah yang dilancarkan dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB).

ms:  
172

- Amanah Saham Nasional (ASN)
- Amanah Saham Bumiputera (ASB)

Apakah kepentingan program tersebut?

- A Memberi kemudahan kredit
- B Menawarkan kursus kemahiran
- C Menambah pemilikan saham bumiputera
- D Menggalakkan orang ramai membuat pelaburan
- 5 Pembangunan kemudahan fizikal dan alam sekitar dititikberatkan dalam Dasar Pembangunan Nasional (DPN).  
Bagaimanakah usaha tersebut dilaksanakan?

ms:  
175

- A Pembukaan tanah baharu
- B Penggunaan teknologi hijau
- C Program Penanaman semula
- D Penguatkuasaan undang-undang

- 6 Agensi berikut telah diswastakan oleh kerajaan melalui Dasar Penswastaan.

ms:  
178

- Keretapi Tanah Melayu - Keretapi Tanah Melayu Berhad
- Jabatan Penerbangan Awam - Malaysia Airports Berhad

Apakah faktor yang mempengaruhi tindakan tersebut?

- I Meluaskan pasaran
- II Meningkatkan produktiviti
- III Menambahkan kualiti perkhidmatan
- IV Mengimbangi pemilikan harta antara kaum
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV



- 7 Apakah usaha kerajaan untuk memperbaiki ketidakseimbangan pembangunan wilayah dalam Dasar Pembangunan Nasional (DPN)?

ms:  
179

- A Penyebaran industri terpilih
- B Pelaburan asing dipertingkatkan
- C Pelaksanaan program pembangunan bandar
- D Penglibatan bumiputera dalam sektor perusahaan

- 8 Jadual 2 menunjukkan penurunan kadar kemiskinan yang dicapai di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN).

ms:  
180

Dasar	Penurunan Kadar Kemiskinan / Tahun
DEB	49.3% (1970) 17.1% (1990)
DPN	7.2% (2000)

Mengapakah berlaku penurunan kadar kemiskinan tersebut?

- A Kerjasama antara kaum
- B Kewujudan bandar terancang
- C Kepelbagaian kegiatan ekonomi
- D Kecekapan Perkhidmatan awam

- 9 Kawasan Estet Perindustrian dibangunkan sebagai bandar terancang yang lengkap hasil kejayaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN).

ms:  
186

Apakah badan yang dipertanggungjawabkan terhadap kawasan perindustrian tersebut?

- A Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN)
- B Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS)
- C Majlis Perundingan Negara (MAPEN)
- D Majlis Amanah Rakyat (MARA)

10 Jadual 3 menunjukkan perkembangan industri kereta buatan Malaysia.

ms:  
187

Perusahaan	Tahun Penubuhan	Contoh Kereta
PROTON	1983	Saga Waja Persona
PERODUA	1993	Kancil Axia Alza

Apakah kesan perkembangan tersebut?

- A Meningkatkan perdagangan antarabangsa
- B Membentuk kelas bumiputera komersial
- C Memajukan sistem perhubungan
- D Membuka peluang pekerjaan

**BAB 9 : DASAR LUAR MALAYSIA**

1 Apakah tujuan utama Malaysia melaksanakan dasar luar?

ms  
196

- A Memastikan negara aman
- B Eratkan hubungan dengan negara lain
- C Memenuhi keperluan dan kepentingan negara
- D Berusaha setanding dengan negara lain

2 Berikut ialah negara yang menjalin hubungan dengan Malaysia melalui ikatan sejarah dan budaya serantau

ms  
197

- I Thailand
- II Turki
- III Belanda
- IV Indonesia
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

3 Bagaimanakah hubungan Malaysia dengan negara-negara Arab terjalin?

ms  
197

- A Melalui ikatan keagamaan
- B Melalui ikatan perdagangan
- C Melalui ikatan diplomatik
- D Melalui ikatan nasional

4 Apakah kepentingan Malaysia menjaga hubungan baik dengan negara luar?

ms  
198

- A Mengukuhkan ekonomi negara
- B Memelihara keamanan sejagat
- C Kedudukan Malaysia di mata dunia
- D Kebajikan rakyat Malaysia di luar negara

5 Hasil penglibatan aktif Malaysia dengan UNESCO , Gunung Mulu dan Taman Kinabalu telah diiktiraf sebagai\_\_\_\_\_

ms  
199.

- A Tempat pelancongan utama dunia
- B Kawasan larangan teroka
- C Rizab kerajaan
- D Tapak Warisan Dunia

6 Bagaimana pertubuhan Komanwel diwujudkan?

ms  
206

- A Gabungan negara-negara Asia
- B Negara bekas tanah jajahan British
- C Negara-negara rantau Asia Tenggara
- D Negara-negara pro Barat

7 Apakah tujuan Rancangan Colombo ditubuhkan?

ms  
206

- A Menangani masalah kemiskinan
- B Mewujudkan kerjasama ekonomi
- C Memberi bantuan kewangan
- D Menjadi perantara antara negara

8 Tujuan utama MAPHILINDO diwujudkan ialah\_\_\_\_\_

ms  
210

- A Meningkatkan hubungan
- B Menjalin kerjasama ekonomi
- C Isu pembentukan Malaysia
- D Persahabatan tiga negara

9 Apakah manfaat yang diperoleh Malaysia apabila menganggotai Pergerakan Negara-Negara Tanpa Pihak (NAM)?

ms  
212

- A Hubungan dengan negara lain secara terbuka
- B Eratkan hubungan dengan negara serantau
- C Ketuai hubungan perdagangan negara anggota
- D Menyelesaikan masalah antara negara anggota

10 Malaysia dan negara anggota NAM telah berjaya menangani masalah Bosnia dan Herzegovina dengan cara\_\_\_\_\_

ms  
213

- A Membebaskan negara tersebut dari Serbia
- B Menggantung keahlian Yugoslavia
- C Memerdekakan Bosnia dan Herzegovina
- D Mendapatkan bantuan dari pertubuhan dunia

**BAB 10 : KECEMERLANGAN MALAYSIA DI PERSADA DUNIA**

- 1 Apakah usaha yang dilakukan oleh Malaysia bagi memerangi penyalahgunaan dadah di peringkat antarabangsa ?  
ms:  
226
- A Memusnahkan ladang dadah di sempadan
  - B Menghantar polis ke kawasan segitiga emas
  - C Menjatuhkan hukuman mati terhadap pengedar
  - D Berkerjasama dengan pihak INTERPOL
- 2 Kepulauan yang menjadi tuntutan melibatkan China, Vietnam, Brunei dan Indonesia ialah  
ms:  
227
- A Formosa
  - B Andaman
  - C Spratly
  - D Batu Putih
- 3 Bagaimanakah Malaysia menangani isu kempen antiminyak sawit yang dilancarkan oleh negara maju ?  
ms:  
228
- A Mendapatkan skim pensijilan MSPO
  - B Menggalakkan penanaman semula hutan
  - C Menyekat eksport ke negara antisawit
  - D Menukar sawit kepada tanaman lain
- 4 Apakah bentuk sekatan yang dikenakan negara maju terhadap negara membangun seperti Malaysia ?  
ms:  
230
- A Mengurangkan aktiviti eksport
  - B Mengenakan tarif dan cukai tinggi
  - C Tidak berlabuh di pelabuhan Malaysia
  - D Mempromosi barangan negara maju

5

ms:  
234/6

- Aman Palestin
- MAPIM
- MyCare

NGO di atas terlibat aktif di negara

- A Somalia dan Sudan
- B Aceh dan Timor Timur
- C Afghanistan dan Iraq
- D Palestin dan Syria

6

ms:  
238

Anugerah Langkawi telah diperkenalkan sejak tahun 1991. Apakah tujuan anugerah ini di perkenalkan ?

- A Penghargaan kepada pencinta alam sekitar
- B Memberi sumbangan pada ekonomi negara
- C Berperanan dalam selesai konflik antarabangsa
- D Menjadi juara dalam sukan antarabangsa

7

ms:  
240

Mengapakah Malaysia membangkitkan isu Antartika kepada PBB ?

- A Pelepasan gas karbon dioksida
- B Antartika adalah milik bersama
- C Peningkatan paras air global
- D Kepupusan habitat haiwan liar

8

ms:  
242

Apakah harapan komuniti ASEAN dalam mengekalkan keamanan di rantau ini ?

- A Melibatkan kuasa besar dunia
- B Campurtangan dalam masalah negara lain
- C Pertelingkahan diselesaikan secara damai
- D Menempatkan tentera asing di ASEAN

9 Namakan kawasan perairan yang tidak membenarkan kapal perang asing membawa senjata nuklear

ms:  
244

- I Selat Melaka
- II Laut China Selatan
- III Laut Arab
- IV Laut Kaspia
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

10 Antara agensi yang berikut, yang manakah menguruskan mengenai hak asasi dan pelarian ?

ms:  
245

- I WHO
- II UNESCO
- III SUHAKAM
- IV UNHCR
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV